

DEKON Bukan Monolog

Oleh

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH (Ph. D)

Program Drama dan Teater

Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan

Sarawak

anafifah@faca.unimas.my

Abstrak

Sejak genre teater DEKON diperkenalkan oleh Sasterawan Negara Dato A. Samad Said sekitar tahun 2000, pelbagai tafsiran dan tanggapan dilakukan tentang bentuk persembahan ini dalam kalangan ilmuan dan para penggiat teater tanahair. Setakat ini belum ada sebarang penulisan yang konkrit tentang bentuk dan ciri DEKON yang dapat dijadikan rujukan walaupun Festival DEKON dianjurkan sejak 2001 oleh MAKUM dan seminar tentang genre teater ini diadakan pada 2008. Secara umum terdapat salah faham dan kekeliruan tentang DEKON, dan lazimnya DEKON disamakan dengan teater Monolog. Sehubungan itu, penulisan ini akan menghuraikan persembahan DEKON dan Monolog untuk memaparkan persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Pada penghujung penulisan ini, satu rumusan akan diperolehi tentang bentuk dan ciri DEKON untuk menjustifikasi genrenya.

Perkenalan Dengan DEKON: Sepintas Lalu

Pada awal tahun 2001 pertandingan deklamasi lakon (DEKON) kelolaan Majlis Kebudayaan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (MAKUM) yang pertama telah dianjurkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pertandingan ini disertai oleh beberapa IPTA dari seluruh Malaysia antaranya Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Seseengah penyertaan terdiri daripada program-program pengajian yang mengkhusus kepada bidang seni teater, manakala sebahagian yang lain pula terdiri daripada penyertaan daripada kelab-kelab kebudayaan di bawah naungan bahagian Hal Ehwal Pelajar IPTA.

DEKON ketika itu adalah satu istilah yang baru bagi para ilmuan teater di Malaysia, terutamanya yang menyertai pertandingan tersebut di UMS. Namun pertandingan yang julung kali dianjurkan oleh UMS pada 2001, mendapat sambutan yang menggalakan daripada IPTA-IPTA dari seluruh Malaysia. Semua kumpulan yang menyertainya membawa persembahan teater Pelbagai tafsiran dan tanggapan tentang DEKON ketika itu.

Menurut Sasterawan Negara A. Samad Said, daripada lapan penyertaan dalam pertandingan ini, hanya satu sahaja yang banyak memiliki ciri-ciri DEKON yang dikemukakan oleh beliau. Penyertaan daripada Teater Rimba, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan itu telah mengondol anugerah Juara DEKON pada tahun tersebut. Penyertaan berbentuk monolog daripada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak dan Pusat Seni, Unversiti Sains Malaysia masing-masing menduduki tempat Naib Juara dan tempat Ketiga.